



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**MEMPROMOSIKAN MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG
SEBAGAI TAPAK WARISAN PRASEJARAH**

**Nor Azian Binti Nashurridin
24389**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000273084

**MEMPROMOSIKAN MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG SEBAGAI TAPAK
WARISAN PRASEJARAH**

**NOR AZIAN BINTI NASHURRIDDIN
24389**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **MEMPROMOSIKAN MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG SEBAGAI TAPAK WARISAN PRASEJARAH**

SESI PENGAJIAN: 2009/2010

Saya **NOR AZIAN BINTI NASHURRIDDIN** mengaku membenarkan tesis/laporan ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut : -

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. *Sila tandakan

- | | | |
|-------------------------------------|--------------|--|
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD | |

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh: 29 JUN 2012

Alamat Tetap:
No.75 Blok H
Rumah Awam Liman Kati
33020 Kuala Kangsar
Perak Darul Ridzuan

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 29/Jun/2012

Catatan: * Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh Tesis/Laporan ini perlu dikelaskan SULIT atau TERHAD.

PENGAKUAN


Projek bertajuk Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai Tapak Warisan Prasejarah ini telah disediakan oleh Nor Azian Binti Nashurriddin dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Dr. Noria Tugang)

Tarikh:



ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	i
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Abstract	vii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis	7
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Limitasi Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Rumusan	35
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	36
3.2 Metodologi	37
3.3 Kajian Keperpustakaan	38
3.4 Data Premier	39
3.4.1 Kaedah Kualitatif	39
3.4.2 Kaedah Kuantitatif	42
3.5 Populasi Kajian	44
3.6 Instrumen Pengumpulan Data	44

3.7 Rumusan	45
BAB 4 : ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	46
4.2 Pemerhatian	46
4.2.1 Galeri Pameran	46
4.2.2 Promosi dan Pengunjung	57
4.3 Analisa Temubual	62
4.3.1 Informan Pertama	62
4.3.2 Informan Kedua	67
4.3.3 Rumusan	69
4.4 Analisa Borang Kaji Selidik	72
4.4.1 Bahagian A : Demografi	73
4.4.2 Bahagian B : Umum	78
4.4.3 Bahagian C : Promosi	84
4.4.4 Analisa Soalan Berstruktur	90
4.5 Pengujian Hipotesis	97
4.6 Keputusan Pengujian Hipotesis	97
4.7 Rumusan	100
BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	101
5.2 Cadangan	103
5.2.1 Cadangan kepada muzium	103
5.2.2 Cadangan kepada pengkaji akan datang	108

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN :-

LAMPIRAN A – Borang Kaji Selidik

LAMPIRAN B – Bentuk Soalan Temubual

LAMPIRAN C – Senarai Program MAL 2011

LAMPIRAN D – Statistik Pengunjung MAL 2003 – 2011

LAMPIRAN E – Gambar Semasa Pemerhatian

LAMPIRAN F – Gambar Informan

LAMPIRAN G – Brochure dan Flyer MAL

LAMPIRAN H – Poster Projek Tahun Akhir

PENGHARGAAN

Bismillah hirrahman nirrahim.....

Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyiapkan kajian yang telah saya jalankan mengikut waktu yang telah ditetapkan dengan jayanya iaitu kajian yang bertajuk “Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai Tapak Warisan Prasejarah”.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih ingin saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat semasa menjayakan kajian ini. Jutaan terima kasih ingin saya rakamkan kepada Dr. Noria Tugang, Ketua Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif merangkap penyelia kajian saya, kerana beliau banyak memberikan dorongan dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan kajian yang saya jalankan. Beliau turut banyak memberi tunjuk ajar dan kata semangat kepada saya dalam meneruskan kajian yang sedang dijalankan.

Sekalung ucapan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada pihak Muzium Arkeologi Lenggong kerana telah membenarkan saya untuk melakukan kajian di lokasi mereka. Tidak lupa kepada staf muzium iaitu Puan Nur Aidah Binti Pirus dan Encik Bahaman Zaktom Bin Ahmad kerana telah banyak memberikan kerjasama kepada saya dalam mengumpul data kajian melalui sesi temubual. Ucapan terima kasih tidak terHINGGA juga mereka kerana banyak meluangkan masa kepada saya semasa proses pengumpulan data kajian.

Ucapan terima kasih tidak terHINGGA juga ingin saya rakamkan kepada responden-responden yang telah menjawab borang kaji selidik saya iaitu terdiri daripada pengunjung Muzium Arkeologi Lenggong, pelajar Politeknik Ungku Omar Ipoh, Kolej Islam Perak, Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati dan penduduk sekitar Lenggong dan

Kuala Kangsar, Perak. Terima kasih ini dirakamkan kerana mereka meluangkan masa untuk menjawab borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada mereka.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih dan penghargaan ingin saya ucapkan kepada keluarga saya terutama kedua ibu bapa saya iaitu, Encik Nashurriddin Bin Mohd Said dan Puan Salbiah Binti Hamiri kerana banyak memberikan kata semangat dan dorongan kepada saya semasa melengkapkan kajian ini. Kata-kata semangat yang telah diberikan saya jadikan sebagai pembakar semangat saya untuk berusaha menyiapkan kajian ini mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Tidak lupa ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak memberi kata semangat kepada saya dalam menyiapkan kajian yang sedang dijalankan. Di akhir kata, saya, Nor Azian Binti Nashurriddin, penyelidik kajian yang bertajuk “Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai Tapak Warisan Prasejarah” ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa proses menyiapkan kajian yang dijalankan. Segala jasa kalian amatlah saya hargai.

Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan usaha dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai tapak warisan prasejarah kepada umum. Hal ini kerana peranan muzium ini sebagai medium pendidikan prasejarah tidak formal dilihat semakin terhakis pada masa kini kerana kurang dikunjungi oleh pengunjung terutamanya golongan belia. Kajian ini juga dijalankan untuk meneliti kelemahan serta kekurangan promosi yang telah dilaksanakan oleh pihak muzium dan untuk menganalisa strategi promosi yang efektif dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong kepada umum. Faktor sumber kewangan yang terhad dan kekurangan staf menjadi kekangan utama pihak muzium dalam merencana aktiviti promosi mereka. Hasil dapatan daripada kajian ini ialah strategi promosi yang efektif dan berterusan harus diperkasakan terutama di saluran televisyen dan radio serta promosi di internet dianggap paling efektif dalam menarik minat orang ramai dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi statistik pengunjung yang mengunjungi muzium ini.

ABSTRACT

This research focuses on efforts promoting the Lenggong Archaeological Museum as prehistoric heritage sites to the public. This is because, the role of this museum as a medium of non-formal prehistoric education is seen increasingly eroded nowadays because less visited by people especially the youth. This research was also conducted to examine the weaknesses and lack of promotion undertaken by the museum and to analyze the effective promotion strategy in promoting the Lenggong Archaeological Museum to the public. Factor of limited financial resources and lack of staff to be the main constraints for museum in their promotional activities. The findings of this research is an effective promotional strategy and continued must to be strengthened, especially in television and radio channels as well as promotion on the Internet is considered the most effective in attracting the public and can indirectly increase the statistical visitors to this museum.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Muzium Arkeologi Lenggong merupakan muzium prasejarah yang terletak di Kampung Kota Tampan, Perak Darul Ridzuan. Muzium ini terletak dalam daerah Lenggong iaitu sekitar 100 kilometer ke utara Ipoh melalui jalan Kuala Kangsar ke Grik. Terdapat dua buah muzium arkeologi di Malaysia iaitu Muzium Arkeologi Lenggong dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Muzium Arkeologi Lenggong mempamerkan bahan pameran mengenai penemuan bahan sejarah dan artifak di Hulu Perak, manakala Muzium Arkeologi Lembah Bujang mempamerkan bahan pameran mengenai perdagangan dan peradaban manusia pada masa silam. Muzium Arkeologi Lenggong dibina di atas tapak prasejarah dan dikenali juga dengan nama Muzium Arkeologi Kota Tampan.

Menurut buku *Perasmian Muzium Arkeologi Lenggong* oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti, muzium ini ditubuhkan pada tahun 1999 dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam Rancangan Malaysia ke-7 dan muzium ini siap dibina sepenuhnya pada tahun 2000. Pembinaan muzium ini menelan kos sebanyak RM 2.7 juta. Lokasi pembinaan muzium ini adalah berdasarkan kepada penemuan tapak arkeologi zaman Paleolitik yang wujud 74,000 tahun lalu. Penemuan penempatan terawal dijumpai oleh para pengkaji sejarah iaitu di Kota Tampan berdasarkan penemuan rangka "Perak Man" yang dianggarkan berusia antara 10 000 hingga 11 000 tahun.

Muzium ini telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 2001 dengan menyediakan pameran sementara. Kerja-kerja merekabentuk hiasan dalaman dan pengisian ruang

muzium bermula pada bulan Oktober tahun 2002 dan siap sepenuhnya pada bulan April 2003. Muzium ini mempamerkan semua bahan artifak dan maklumat yang ditemui oleh pengkaji prasejarah khususnya sekitar Lembah Lenggong dalam bentuk medium yang lebih menarik dan berinformasi. Pameran di dalam muzium ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahagian Arkeologi, Teknologi, Paleolitik, Gua Gunung Runtuh iaitu kawasan penemuan rangka "Perak Man", Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau, Lukisan Gua, Orang Asli dan Tapak Sezaman Lenggong.

Menurut data *Latar Belakang dan Sejarah Pembinaan Muzium* oleh Muzium Arkeologi Lenggong, keluasan keseluruhan kawasan muzium ini di anggarkan seluas 8.17 ekar dan telah dibangunkan di atas tanah seluas dua ekar dengan dua blok bangunan. Muzium ini mempunyai tiga Galeri Pameran, Pejabat, Bilik Audio Visual, Bilik Mesyuarat dan Bilik Penyelidikan. Muzium ini dibangunkan di kawasan bekas ladang kelapa sawit di Kampung Kota Tampan, Mukim Temelong iaitu dua kilometer dari bandar Lenggong. Muzium ini dibuka setiap hari iaitu pada hari Isnin hingga Ahad, dan dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Kadar bayaran masuk bagi pengunjung-pengunjung ke muzium ini adalah percuma. Pengunjung juga boleh melawati Taman Geologi di luar kawasan muzium yang menempatkan bongkah batu zaman prasejarah. Selain itu, pengunjung juga boleh melawati dan mengunjungi ke gua-gua prasejarah sekitar Lenggong dengan kadar bayaran sebanyak RM50.00 seorang dan turut diiringi dengan pemandu pelancong.

1.2 Permasalahan Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2006) dalam buku karyanya *Kaedah Penyelidikan* menyatakan bahawa masalah kajian merupakan isu yang timbul, yang menarik perhatian atau menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian ke atasnya. Dalam penulisan cadangan penyelidikan, masalah kajian amat penting kerana ia merupakan faktor pertimbangan utama samaada kajian akan atau perlu dilakukan atau tidak. Ia memberi tumpuan kepada pembaca tentang penyelidikan yang dicadangkan dan memberi implikasi tentang kemungkinan penyelidikan dilakukan. Beberapa cara boleh digunakan untuk mengenalpasti masalah kajian, iaitu melalui tujuan kajian, pernyataan masalah dan soalan kajian.

Muzium merupakan institusi berpendidikan dan tempat yang menyeronokkan apabila masyarakat mengetahui cara menghayati artifak dan bahan pameran yang dipamerkan. Namun, muzium dianggap satu tempat yang tidak menarik dan membosankan dan sering dikatakan gagalnya muzium dipromosikan kepada masyarakat. Justeru itu, strategi promosi yang efektif dan berterusan harus diperkasakan untuk menarik minat orang ramai mengunjungi muzium terutama golongan belia. Statistik pengunjung yang berkunjung ke muzium ini tidak menentu dari tahun ke tahun. Ada pada tahun-tahun tertentu jumlah pengunjung mengalami peningkatan dan ada juga penurunan. Menurut laporan *Statistik Kedatangan Pengunjung Muzium Arkeologi Lenggong* oleh Muzium Arkeologi Lenggong, pada 2008 jumlah pengunjung yang berkunjung ke muzium ini mencatatkan jumlah sebanyak 41, 146 orang. Manakala pada tahun 2009 jumlah pengunjung meningkat kepada 78, 808 orang. Jumlah ini menurun pula kepada 41, 322 orang pada tahun 2010 dan meningkat kembali kepada 54, 105 orang pada tahun 2011.

Menurut Timothy Ambrose (1993) dalam bukunya *Managing New Museums* menyatakan bahawa muzium berbeza dengan ketara dalam statistik bilangan pengunjung. Seseengah mungkin dapat menarik berjuta-juta pelawat setiap tahun, sementara yang lain mungkin menarik hanya beberapa ribu sahaja. Selain daripada melawat muzium untuk pameran dan paparan, orang menggunakan muzium dalam pelbagai cara yang berbeza. Mereka tidak hanya melawat muzium, tetapi turut menggunakannya sebagai sumber maklumat untuk rujukan. Perkhidmatan seperti kemudahan penyelidikan, kedai, penerbitan, program pembelajaran masa lapang dan perkhidmatan pendidikan merupakan kaedah berkuasa dalam menggalakkan penggunaan muzium di kedua-dua di dalam dan juga di luar muzium.

Penyelidik berpendapat faktor ketidakseimbangan statistik pengunjung disebabkan aktiviti promosi yang terhad berikutan pelbagai permasalahan di hadapi dalam mempromosikan muzium ini kepada umum. Pameran berkala dan pameran luar merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Muzium Arkeologi Lenggong dalam kalendar aktiviti tahunan mereka. Menurut laporan *Program Muzium Arkeologi Lenggong 2011* iaitu terdapat 6 jenis pameran anjuran pihak muzium iaitu terdiri daripada pameran dalaman dan pameran luar serta forum dianjurkan oleh pihak muzium sepanjang tahun 2011. Antara pameran anjuran pihak muzium sepanjang tahun 2011 ialah Pameran Arkeologi Maritim Malaysia (Oktober 2010 hingga Julai 2011), Pameran Alat Muzik Tradisional Malaysia (April 2011 hingga Januari 2012), Pameran Muzium dan Kerjaya (Ogos 2011 hingga Februari 2012), Pameran Luar, *Perak Man* di Lost World Tambun (April 2011), Pameran Luar, *Perak Man* di Kompleks Belia Rakan Muda Kamunting Taiping (Jun 2011), Pameran

Luar, *Perak Man* di Perpustakaan Tun Abdul Razak Ipoh (Oktober 2011) dan Forum Arkeologi melibatkan pelajar sekolah (November 2011).

Pihak Muzium Arkeologi Lenggong tidak dapat merencana aktiviti promosi mereka dengan lebih efektif dan berterusan kerana menghadapi masalah dari segi kewangan. Menurut laporan *Isu dan Masalah 2011* oleh pihak Muzium Arkeologi Lenggong, kekurangan kos menyebabkan aktiviti mempromosikan muzium ke peringkat lebih meluas tidak dapat dilaksanakan. Hal ini kerana aktiviti promosi yang meluas memerlukan bajet kewangan yang besar terutama promosi yang efektif iaitu dalam saluran pengiklanan di televisyen dan juga di corong radio. Pihak muzium hanya menjalankan aktiviti promosi mengikut bajet yang diperuntukkan dengan melakukan aktiviti promosi secara sederhana melalui edaran '*pamphlet*' dan '*brochure*', laman web, sisipan akhbar terhad untuk akhbar Metro Utara dan promosi di corong radio Perak. Namun begitu, aktiviti promosi ini hanya akan dilaksanakan apabila terdapat program atau pameran yang akan dianjurkan oleh pihak muzium. Hal ini akan membataskan orang ramai untuk mengetahui tentang muzium ini kerana promosi tidak dijalankan secara berterusan.

Faktor tempoh yang lama sesuatu pameran berkala dianjurkan turut menjadi penyumbang kepada ketidakseimbangan kadar pengunjung yang mengunjungi Muzium Arkeologi Lenggong. Sebagai contohnya, Pameran Alat Muzik Tradisional Malaysia dianjurkan bermula pada April 2011 hingga Januari 2012. Tempoh masa bagi pameran ini ialah selama lebih kurang 9 bulan. Hal ini akan membuatkan pengunjung tidak tertarik untuk mengunjungi lagi ke muzium ini pada masa akan datang sehingga pameran baru akan dianjurkan oleh pihak muzium. Hal ini menjadi antara faktor penurunan kadar statistik pengunjung yang mengunjungi muzium ini.

Sehubungan dengan itu, sesebuah institusi muzium itu haruslah memainkan peranan dengan menganjurkan lebih banyak program dan aktiviti terutama yang melibatkan para belia supaya mereka lebih berminat mengunjungi muzium. Selain itu, aktiviti promosi yang efektif dan berterusan juga turut menjadi wadah yang penting dalam mencapai matlamat mempromosikan muzium ini kepada orang ramai. Institusi muzium seharusnya turut memainkan peranan penting dalam menarik minat pengunjung mengunjungi muzium kerana muzium merupakan medium perantara terbaik dalam menyampaikan pendidikan dan informasi berguna terutamanya dalam bidang prasejarah kepada orang ramai.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

1. Untuk mengkaji Muzium Arkeologi Lenggong sebagai tapak warisan prasejarah dari segi koleksi bahan dan maklumat yang dipamerkan.
2. Untuk meneliti kelemahan dan kekurangan strategi promosi yang telah dijalankan oleh organisasi muzium.
3. Untuk menganalisa peranan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai medium pendidikan prasejarah kepada masyarakat.
4. Untuk mencadangkan kaedah berkesan dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong kepada umum terutama golongan belia.

1.4 Hipotesis

Menurut Chua Yan Piaw (2006) dalam buku karyanya *Kaedah Penyelidikan* menyatakan bahawa hipotesis kajian biasanya digunakan dalam kajian kuantitatif untuk menyatakan perhubungan dan perbezaan antara variabel-variabel. Ia merupakan ramalan pengkaji tentang perhubungan atau perbezaan yang mungkin wujud antara variabel-variabel. Ia merupakan ramalan tentang apa yang dijangka oleh pengkaji mengenai isu atau masalah kajian. Ia merupakan ramalan yang dibuat oleh pengkaji tentang sesuatu perhubungan atau perbezaan dalam penyelidikan inferensi sebelum data dipungut.

Penyelidik mengandaikan bahawa semakin giat aktiviti promosi yang efektif dan berterusan dijalankan dalam mempromosikan muzium ini dijangka semakin meningkat jumlah pengunjung yang akan berkunjung ke muzium ini. Hal ini kerana melalui promosi yang efektif dan berterusan dijalankan, sesebuah institusi muzium itu akan lebih dikenali dan akan mengundang jumlah pengunjung yang ramai untuk mengunjungi sesebuah muzium itu. Justeru itu, hal ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan jumlah statistik pengunjung dari tahun ke tahun.

Menurut Timothy Ambrose (1993) dalam bukunya *Managing New Museums* menyatakan, pemasaran adalah gabungan kaedah yang sepadan antara muzium dengan sumber-sumber yang berlainan bersama kehendak dan keperluan pengguna. Pemasaran yang berjaya dalam permuziuman bergantung kepada orang yang menyedari 'produk muzium' (kemudahan dan perkhidmatan), mencari muzium dengan mudah dan memutuskan sama ada bahawa produk dari segi harga dan prestasi yang mampu untuk memenuhi keperluan mereka. Hubungan antara '*product*', '*price*', '*promotion*' dan '*place*'

atau '*location*', dikenali sebagai "*Marketing Mix*". Hubungkait 4 'P' ini dilihat kaedah yang amat penting dalam menentukan kejayaan keseluruhan sesebuah muzium itu.

Promosi yang efektif dan berterusan boleh dilakukan dengan pelbagai kaedah dan cara melalui media cetak dan media massa. Pihak organisasi muzium boleh menghebahkan info tentang muzium melalui edaran risalah atau '*flyer*' kepada orang ramai, membuat kain rentang atau '*banner*' di tempat yang terpilih dan menghebahkan di corong-corong radio tempatan dan juga di televisyen untuk mendapatkan kesan yang lebih optima kerana saluran televisyen dan radio mempunyai jumlah penonton dan pendengar yang besar. Justeru itu, promosi di radio dan televisyen dilihat sebagai strategi promosi yang paling efektif dalam mempromosikan sesebuah muzium itu. Selain itu, promosi juga boleh dilakukan di internet melalui laman web rasmi muzium. Hal ini kerana promosi di internet dianggap jenis promosi yang berterusan yang wajar diaplikasikan.

Aktiviti promosi yang giat perlu dilakukan sekiranya institusi muzium ada menganjurkan sebarang program dan aktiviti yang menarik melibatkan orang ramai. Selain itu, pihak organisasi muzium boleh mengambil langkah yang lebih berkesan dengan menganjurkan pameran bermusim yang menampilkan tema menarik, interaktif dan berlainan seperti pameran zaman batu, pameran *dinosaur*, pameran alam mistik dan sebagainya. Selain itu juga, untuk menarik pengunjung lebih ramai datang berkunjung ke sesuatu program, aktiviti dan pameran yang dijalankan pihak organisasi muzium harus tidak mengenakan sebarang bayaran masuk atau hanya mengenakan bayaran masuk yang rendah kepada orang ramai. Hal ini kerana kebanyakan pengunjung lebih gemar mengunjungi tempat yang percuma atau tidak membebankan mereka.

1.5 Soalan Kajian

Berikut merupakan soalan-soalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini :-

- 1. Adakah Muzium Arkeologi Lenggong mempamerkan bahan prasejarah dari segi koleksi bahan dan maklumat yang dipamerkan?**
- 2. Apakah kelemahan dan kekurangan promosi yang telah dijalankan oleh organisasi sebelum ini dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong?**
- 3. Apakah peranan Muzium Arkeologi Lenggong kepada masyarakat umum?**
- 4. Bagaimana strategi promosi yang efektif dan berterusan dapat dijalankan dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai Tapak Warisan Prasejarah kepada umum khususnya kepada para belia?**

1.6 Skop Kajian

Skop kajian merupakan ruang lingkup keterbatasan suatu kajian itu dijalankan. Penyelidik memfokuskan kepada tiga skop utama dalam kajian ini iaitu lokasi kajian, informan dan responden pilihan serta teknik promosi. Skop kajian yang pertama adalah lokasi kajian. Lokasi kajian ini dijalankan adalah di Muzium Arkeologi Lenggong, Perak. Muzium ini terletak di daerah Hulu Perak. Penyelidik memilih muzium ini kerana melalui pemerhatian penyelidik yang berasal daripada Kuala Kangsar, Perak melihat muzium ini wajar dipromosikan dengan lebih meluas kerana muzium ini memberikan pendidikan prasejarah kepada pengunjung. Tambahan pula muzium ini wajar dipromosikan kerana lokasi muzium ini agak terpencil dan ramai yang masih tidak mengenali muzium ini.

Skop kajian kedua dalam kajian ini adalah informan dan responden pilihan. Terdapat dua informan pilihan penyelidik dalam mengumpul maklumat dan data kajian. Informan pertama penyelidik adalah staf muzium. Dua orang staf Muzium Arkeologi Lenggong telah ditemubual oleh penyelidik melalui kaedah kualitatif. Staf muzium tersebut adalah Puan Nur Aidah Pirus selaku Penolong Kurator dan Encik Bahaman Zaktom selaku Pembantu Muzium. Responden penyelidik pula merupakan masyarakat umum. Golongan masyarakat umum terdiri daripada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia untuk dijadikan sampel penyelidikan. Hal ini kerana penyelidik berpendapat golongan belia merupakan golongan yang kurang mengunjungi institusi muzium. Golongan belia terdiri daripada belia bekerjaya, pelajar IPTA dan IPTS serta pelajar sekolah. Penyelidik akan mengedarkan borang kaji selidik sebanyak 250 helai kepada responden melalui kaedah kuantitatif.

Skop kajian yang terakhir adalah teknik pomosi. Kajian ini menfokuskan teknik promosi yang efektif dan berterusan dapat dipraktikkan dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai tapak warisan prasejarah kepada umum terutama kepada golongan belia. Penyelidik ingin mengkaji kelemahan dan kekurangan promosi yang telah dijalankan oleh pihak organisasi muzium dalam menarik minat orang ramai mengunjungi muzium ini. Penyelidik juga ingin mengkaji samada pihak Muzium Arkeologi Lenggong ada menjalankan teknik-teknik promosi yang efektif dan berkesan dalam mempromosikan muzium ini kepada masyarakat umum.

1.7 Limitasi Kajian

Limitasi kajian merupakan halangan yang dihadapi oleh penyelidik dalam menjalankan kajiannya. Terdapat tiga limitasi kajian utama penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Limitasi kajian pertama ialah jarak jauh antara tempat kajian dengan tempat penyelidik belajar. Hal ini kerana penyelidik belajar di Universiti Malaysia Sarawak dan lokasi kajian pula berada di negeri Perak. Penyelidik mengatasi limitasi kajian ini dengan mendapatkan data tentang muzium melalui rujukan buku-buku berkaitan, internet dan berhubung melalui telefon dengan staf muzium sebelum menunggu cuti semester untuk pulang ke kampung bagi mengumpul maklumat penuh dan data kajian daripada staf muzium, pemerhatian di lokasi kajian serta edaran borang kaji selidik.

Limitasi kajian yang kedua yang dihadapi oleh penyelidik ialah batasan masa semasa cuti semester. Hal ini kerana cuti semester yang berlangsung selama 4 minggu membataskan penyelidik untuk mendapatkan kajian dengan lebih meluas terutama dalam edaran borang kaji selidik. Tambahan pula untuk mengedarkan borang kaji selidik kepada responden pilihan mengambil tempoh masa yang agak lama kerana borang kaji selidik diedarkan di tempat pilihan berlainan seperti di IPTA iaitu di Politeknik Ungku Omar Ipoh, IPTS iaitu di Kolej Islam Perak, Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati, sekitar Lenggong dan juga sekitar pekan Kuala Kangsar, Perak. Penyelidik mengatasi limitasi kajian kedua ini dengan melakukan secepat yang mungkin melalui edaran borang kaji selidik dan penyelidik berjaya menghabiskan 250 helai borang kaji selidik dalam masa 3 minggu untuk diedarkan kepada responden pilihan.

Limitasi kajian yang terakhir yang dihadapi oleh penyelidik adalah masalah dalam mendapatkan data dan maklumat dalam sesi temubual mengenai Muzium Arkeologi Lenggong kerana difahamkan hanya terdapat dua orang staf sahaja yang bertugas di muzium ini, iaitu Puan Nur Aidah Binti Pirus selaku Penolong Kurator dan Encik Bahaman Zaktom Bin Ahmad selaku Pembantu Muzium. Dua orang staf yang lain mengambil cuti panjang kerana terlibat dalam kemalangan jalanraya dan mengambil cuti untuk melanjutkan pelajaran. Hal ini akan membataskan penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai muzium melalui sesi temubual dengan lebih meluas bersama staf-staf di Muzium Arkeologi Lenggong. Penyelidik mengatasi limitasi kajian terakhir ini dengan mengumpul maklumat dan data yang diperlukan sebanyak yang mungkin daripada staf muzium, terutama daripada Puan Nur Aidah Binti Pirus.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kerana dilihat sebagai salah satu usaha dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong kepada orang ramai terutama kepada golongan belia. Hal ini kerana golongan belia pada masa kini dilihat kurang berminat untuk mengunjungi institusi pendidikan tidak formal seperti muzium. Hal ini berkemungkinan mereka lebih gemar menghabiskan masa dengan hiburan yang lain daripada mendapat pendidikan yang berguna kesan daripada mengunjungi dan menghayati pameran yang dipamerkan dalam sesebuah muzium.

Segelintir para belia khususnya pelajar sekolah hanya akan mengunjungi sesebuah muzium itu sekiranya pihak sekolah menganjurkan lawatan sambil belajar ke sesebuah muzium itu. Peratusan para belia pergi sendirian untuk mendapatkan maklumat dan

pengetahuan daripada sesebuah muzium itu amatlah kurang kerana mereka akan berbuat demikian sekiranya didorong oleh sesuatu seperti promosi. Justeru itu, sesuatu promosi itu haruslah dijalankan dengan efektif dan berterusan untuk memastikan pengunjung kekal untuk sentiasa berkunjung ke institusi muzium.

Kajian ini penting kerana akan mengkaji kelemahan dan kekurangan promosi yang telah dijalankan oleh pihak organisasi Muzium Arkeologi Lenggong dalam menarik minat orang awam berkunjung ke muzium ini. Penyelidik ingin mengkaji samaada pihak Muzium Arkeologi Lenggong ada menjalankan promosi yang efektif dan dan berterusan dalam mempromosikan muzium ini kepada umum. Setelah mengenalpasti kelemahan dan kekurangan promosi yang telah dijalankan, penyelidik akan mencadangkan kepada pihak muzium tentang strategi promosi yang lebih efektif dan berkesan dapat dijalankan untuk menarik lebih ramai pengunjung mengunjungi muzium ini.

Selain itu juga, kajian ini dianggap penting kerana dapat mendokumentasikan penyelidikan tentang promosi Muzium Arkeologi Lenggong kepada umum. Justeru itu juga, penyelidikan ini dilihat dapat dijadikan rujukan dan membantu pihak Muzium Arkeologi Lenggong meluaskan aktiviti promosinya pada masa akan datang melalui strategi promosi yang telah dicadangkan oleh penyelidik dalam mempromosikan muzium ini kepada orang ramai. Kajian ini juga penting, kerana masyarakat terutama golongan belia akan mengenali Muzium Arkeologi Lenggong dan akan menarik minat mereka untuk mengunjungi serta mendapat pendidikan daripada bahan pameran muzium kesan daripada aktiviti promosi yang diperkasakan oleh pihak muzium.